

**SUPP Sedia Terima Campur Tangan Pemimpin Tertinggi BN Dalam Pemilihan Presiden
Bernama
12 November , 2011**

SIBU, 12 Nov (Bernama) -- Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) bersedia menerima campur tangan para pemimpin tertinggi Barisan Nasional (BN) dalam pemilihan jawatan presidennya bulan depan, kata timbalan setiausaha agung parti itu Datuk Sri Wong Soon Koh.

Bagaimanapun, kata beliau, perkara itu akan hanya dipertimbangkan sekiranya pemilihan yang sedang diadakan di peringkat cawangan dan kemudian pemilihan presiden pada persidangan perwakilan tiga tahun sekali (TDC) parti itu, tidak dikendalikan secara adil, telus dan mengikut peraturan.

Beliau menyatakan perkara itu kepada pemberita apabila diminta mengulas kenyataan Anggota Parlimen Serian Datuk Richard Riot tentang kemungkinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak patut campur tangan untuk mengelak parti itu mengalami perpecahan.

Riot, yang juga Timbalan Menteri Luar, berkata Najib patut membuat keputusan tertentu berhubung pertandingan yang bakal berlaku bagi jawatan presiden SUPP. Wong, yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Masyarakat negeri, dan Anggota Parlimen Miri Datuk Seri Peter Chin Fa Kui, yang juga Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah membayangkan hasrat mereka untuk bertanding jawatan itu.

Pada sidang media sama, Wong melahirkan kebimbangan tentang apa yang beliau sifatkan sebagai "manipulasi kumpulan tertentu di ibu pejabat SUPP" untuk menjamin kemenangan kumpulan mereka walaupun TDC belum diadakan.

Katanya terdapat kes anggota daripada beberapa cawangan tidak dibenarkan mengundi di peringkat cawangan masing-masing.

Beliau berkata ada juga pemimpin tertentu yang cuba menggunakan jentera pemilihan parti untuk kepentingan peribadi.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=626409>